



SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM


PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan
Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam.**

**JURUTEKNIK UKUR (D.1-2 EB.3-4-5)
JABATAN UKUR
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**JURUTEKNIK UKUR
JABATAN UKUR
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
D.1-2 EB.3-4-5 (\$530 - \$1,625 EB KHAS \$1,665 – \$1,825 SEBULAN)
KEKOSONGAN = LAPAN (08)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) 4 kepujian / kredit mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei – Cambridge Peringkat Biasa atau sebanding.

ATAU


- b) Telah berkhidmat di Jabatan Ukur sebagai Juruteknik Rendah atau jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji E.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji E.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
2. Pengalaman yang terbukti dalam bidang Ukur Tanah / Geomatik adalah kelebihan.
3. Mempunyai Lesen Memandu Kelas 3 yang sah (tidak mansuh).

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Melaksanakan kerja-kerja di unit-unit dibawah Bahagian Ukur Tanah atau Bahagian Pemetaan Informatik;
2. Melaksanakan perjalanan projek-projek Ukur Tanah dan Pemetaan Informatik menepati matlamat;
3. Memastikan dan melaksanakan perjalanan kerja mengikut *Work Instruction* dalam Sistem Pengurusan Berkualiti [*ISO 9001*];
4. Membantu Juruteknik Ukur Kanan atau Juruteknik Ukur Tingkat I dalam pengukuran tanah dan pemetaan dilaksanakan dengan betul;



5. Menjadi Ketua Pasukan atau mana-mana yang bersesuaian didalam pengukuran Tanah / Pemetaan / Geomatik termasuk kerja-kerja dalam pejabat;
6. Memastikan semua peralatan yang digunakan disimpan di dalam kawalan yang baik; dan
7. Memasukkan *data-data* ke dalam *database* untuk Sistem Maklumat tanah, jika diperlukan.